

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 7/1982

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memberitahu semua Pemungut Hasil Tanah tentang cara penyerahan notis tuntutan supaya membayar wang pertaruhan untuk membuat bantahan pengambilan tanah ke Mahkamah.

2. Mengikut surat YB. Penasihat Undang-Undang Kelantan Bil.P.U.Kn. 283/Bhg.II bertarikh 6hb.November, 1982 pihak Mahkamah Tinggi Kota Bharu, baru-baru ini telah meluluskan satu permohonan tuan tanah untuk memanjangkan tempoh baginya membayar wang pertaruhan berhubung dengan bantahan terhadap perintah pampasan yang dibuat oleh seorang Pemungut Hasil Tanah, Kelantan. Alasan permohonan itu dibenarkan ialah kerana Pemungut Hasil Tanah berkenaan telah tidak mematuhi peruntukan Seksyen 53 Land Acquisition Act 1961 tentang cara penyerahan notis dan lain-lain dokumen. Pemungut Hasil Tanah berkenaan telah menghantar notis itu melalui pos kepada peguam tuan tanah berkenaan. Pemungut Hasil Tanah itu juga telah menyatakan di dalam notis itu bahawa wang pertaruhan itu hendaklah dihantar dengan A.R. Register dan tidak boleh dengan tangan.

3. Oleh itu semua Pemungut Hasil Tanah hendaklah mematuhi sepenuhnya cara-cara penyerahan notis atau lain-lain dokumen tentang pengambilan tanah sebagaimana yang dinyatakan oleh Seksyen 53 Akta Pengambilan Tanah 1960.

4. Dalam hubungan ini juga Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang telah memberi pandangan bahawa cara pembayaran wang atau penyampaian wang pertaruhan itu oleh pihak yang membuat bantahan tidak semestinya dibuat melalui pos berdaftar atau A.R. Register tetapi sebaliknya boleh juga diserahkan sendiri (dengan tangan) oleh orang yang berkenaan terutama sekali apabila kesuntukan masa.

5. Dengan semua Pemungut Hasil Tanah dikehendaki melaksanakan arahan ini dengan sewajarnya.

t.t
(MD.HUSSAIN BIN HASSAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
KOTA BHARU.**

FAIL :P.T.G.KN. 7060 Jld.6/(26)

BERTARIKH: 21HB.NOVEMBER, 1982

KEPADA:

Semua Pemungut Hasil Tanah,
Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. Setiausaha Sulit
Menteri Besar, **Kelantan.**
2. Yang Berhormat
Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan.
3. Yang Berhormat
Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri
Kelantan, **Kota Bharu.**
4. Yang Berhormat
Dato' Ketua Pengarah Tanah Dan Galian
Persekutuan,
Jalan Gurney,
Kuala Lumpur.
5. Pegawai-Pegawai Unit Khas Bergerak,
Kelantan.